

# IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KESEJAHTERAAN EKONOMI ISI RUMAH B40: SATU KAJIAN RINTIS

## *THE IMPACT OF THE COVID-19 PANDEMIC ON THE ECONOMIC WELL-BEING OF B40 HOUSEHOLDS: A PILOT STUDY*

Zuriani Ibhrim <sup>1</sup>

Zaleha Muda <sup>2</sup>

Izzah Nur Aida Zur Raffar <sup>3</sup>

Suhaila Abdul Aziz <sup>4</sup>

Madihatun Zainuddin <sup>5</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur (KUPTM)

Email: zuriani@gapps.kptm.edu.my

<sup>2</sup> Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur (KUPTM)

Email: zaleha@kuptm.edu.my

<sup>3</sup> Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Email: izzahnur@uitm.edu.my,

<sup>4</sup> Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur (KUPTM)

Email: suhaila\_aa@gapps.kptm.edu.my

<sup>5</sup> Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur (KUPTM)

Email: madihatun@kuptm.edu.my

### Article history

**Received date** : 15-2-2022

**Revised date** : 1-3-2022

**Accepted date** : 15-3-2022

**Published date** : 31-3-2022

### To cite this document:

Ibhrim, Z., Muda, Z., Zur Raffar, I. N., Abdul Aziz, S., & Zainuddin, M. (2022). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Isi Rumah B40: Satu Kajian Rintis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 7(39), 39 - 52.

**Abstrak:** *Pandemik COVID-19 membawa banyak perubahan dalam kehidupan manusia. Dunia seakan lumpuh apabila jangkitan kes wabak COVID-19 merekodkan peningkatan kes yang serius dan membimbangkan. Jangkitan kes di Malaysia masih tinggi dan belum menunjukkan penurunan dua angka atau lebih rendah. Penularan tersebut telah memberi impak negatif kepada sektor ekonomi terutama golongan berpendapatan rendah B40. Apabila kerajaan melaksanakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menyebabkan banyak sektor ekonomi mengalami kemerosotan, hilang pekerjaan dan banyak yang tidak dapat bekerja kerana operasi perniagaan yang terpaksa ditutup dan memberi kesukaran kepada isi rumah kerana tidak dapat menjalankan aktiviti ekonomi dan mempengaruhi kesejahteraan golongan ini terutama kumpulan B40 yang tinggal di bandar besar seperti Lembah Klang. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji tahap kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi mengenal pasti impak pandemik COVID-19 ke atas kesejahteraan ekonomi isi rumah B40 di Lembah Klang. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif dan seramai 50 isi rumah Melayu B40 di Lembah Klang terlibat dalam kajian rintis ini melalui data soal selidik yang diperolehi. Tahap kebolehpercayaan soal selidik ini adalah 0.881. Hasil kajian mendapati pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar ke atas kesejahteraan ekonomi golongan B40 Melayu di Lembah Klang kerana golongan ini mudah terjejas dan terancam. Pelaksanaan*

*PKP telah memberi kesan kepada status pekerjaan dan status kewangan majoriti responden terhadap kerja dan gaji mereka.*

**Kata Kunci:** *COVID-19, Ekonomi, B40*

**Abstract:** *The COVID-19 pandemic brought many changes in human life. The world seemed paralyzed as the COVID-19 pandemic infection recorded a serious and alarming increase in cases. The incidence of cases in Malaysia is still high and has not shown a double-digit decline or lower. The contagion has had a negative impact on the economic sector, especially the B40 low-income group. When the government implemented restrictions on the Movement Control Order (PKP), causing many sectors of the economy to decline, lose jobs and many unable to work due to business operations that had to close and give difficulties to households because they can not carry out economic activities and affect the well-being of this group especially the B40 group living in big cities like the Klang Valley. Thus, this study aims to examine the level of reliability of the instrument used to identify the impact of the COVID-19 pandemic on the economic well-being of B40 households in the Klang Valley. The research methodology is quantitative and a total of 50 B40 Malay households in the Klang Valley were involved in this pilot study through questionnaire data obtained. The reliability level of this questionnaire is 0.881. The results of the study found that the COVID-19 pandemic has had a significant impact on the economic well-being of the B40 Malays in the Klang Valley because this group is vulnerable and threatened. The implementation of PKP has affected the employment status and financial status of the majority of respondents towards their work and salaries.*

**Keywords:** *COVID-19, Economy, B40*

---

## **Pengenalan**

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar dan sangat luar biasa. Kemasukan tahun 2020 yang diimpikan oleh Malaysia memasuki fasa baharu dalam dunia revolusi industri 4.0 ke arah pemodenan ekonomi, politik dan sosial telah mengalami kekangan dengan isu kesihatan yang melanda seluruh dunia. Namun, hidup perlu diteruskan dengan virus yang berbahaya iaitu, COVID-19. Penularan COVID-19 bermula dari Wuhan China pada Disember 2019 dan sejak itu telah menjadi pandemik global yang membawa kehilangan berjuta-juta nyawa di seluruh dunia (Junaid et al., 2021). Badai pandemik COVID-19 di Malaysia telah mewujudkan suatu norma baru dalam pelbagai sektor ekonomi. Ancaman penularan COVID-19 memaksa seluruh dunia melaksanakan perintah berkurung (*lockdown*) atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan rantaian pandemik ini (Che Omar et al., 2020).

Banyak sektor ekonomi terpaksa ditutup kecuali sektor perlu sahaja yang melibatkan barang keperluan asas harian. Perkara ini memberi kesan negatif terhadap purata pendapatan dan perbelanjaan yang berpendapatan rendah contohnya B40. Menurut Chamhuri Siwar et.al (2019) menyatakan golongan B40 merupakan golongan yang sering menghadapi cabaran sukar antaranya ekonomi, sosial dan alam sekitar. Golongan B40 di bandar amat terkesan dengan penularan COVID-19 ini apabila banyak sektor perniagaan ditutup dan diberhentikan kerja. Hakikatnya golongan berpendapatan rendah dan terhimpit dengan masalah ini. Krisis wabak COVID-19 membawa musibah yang teruk kepada ekonomi berbanding dengan krisis-krisis dalam tempoh dua dekad lalu, di mana Malaysia menghadapi krisis kewangan Asia pada 1997, kelembapan ekonomi global selepas peristiwa 11 September pada 2001 dan krisis kewangan global pada 2008. Selain itu, rakyat negara ini begitu teruja dengan kempen kibarkan bendera

putih. Kempen ini disarankan aktivis masyarakat, Nik Faizah Nik Othman yang menyatakan bahawa kain putih mudah didapati di rumah dan tindakan segera boleh diarahkan untuk membantu mereka mengalami kesempitan kewangan atau makanan. Menariknya, semangat kejiranan dihidupkan semula menerusi kempen ini. Sikap prihatin dan mengambil tahu keadaan jiran menjadi paksi utama kempen kibarkan bendera putih. Masing-masing memainkan peranan mengikut kemampuan (Charanjit Kaur, 2021). Ramai kalangan B40 yang terancam dengan masalah ini ialah mereka yang tinggal di bandar besar seperti Lembah Klang. Objektif kajian merujuk kepada pertama mengkaji impak penularan wabak COVID-19 ke atas ekonomi orang Melayu B40. Kedua mengkaji permasalahan ekonomi yang dihadapi oleh orang Melayu B40 ketika pandemik COVID-19 dan ketiga ialah membentuk cadangan supaya pengukuran multidimensi menjadi sebagai mekanisme dan kesesuaian sebagai alat ukur pembasmian kemiskinan terhadap impak pandemik COVID-19. Oleh itu, untuk memperoleh dapatan kajian yang lebih komprehensif pengkaji menggunakan pendekatan Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM) bagi mengenalpasti anggaran kemiskinan pelbagai dimensi isi rumah golongan berpendapatan rendah Melayu B40 ke atas impak penularan wabak COVID-19 di Lembah Klang selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

### **Kajian Lepas**

Pada 11 Mac 2020 (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik dan kehidupan norma baharu. Pandemik COVID-19 telah menggemparkan seluruh dunia sehingga menjejaskan dan mengancam nyawa dan sosio-ekonomi semua penduduk dunia. Kes pertama dicatatkan dari Wuhan China ini telah membawa kepada lebih 3.2 juta kematian dan kes jangkitan kepada 155 juta orang. Malah jumlah ini dijangka terus meningkat walaupun proses vaksinasi giat dijalankan. Penemuan vaksin untuk mencegah penularan COVID-19 seperti Prizer-Biotech dari Jerman, AstraZaneca dari United Kingdom dan Sweden dan Sinovac dari China masih tidak banyak mengubah keadaan dunia umumnya dan Malaysia khususnya. Vaksin-vaksin tersebut yang mulai diterima pakai dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kelihatannya masih berada pada keadaan yang rendah memandangkan sehingga April 2021 hanya sekitar 30 peratus atau 7.6 juta daripada 26.7 juta penduduk Malaysia telah mendaftar menerusi aplikasi mySejahtera untuk menerima vaksin tersebut (Ahmad, 2021 dan Farhana, 2021). Situasi ini sekaligus menunjukkan bahawa terdapatnya kegagalan dalam menyakinkan rakyat berikutan daripada sasaran kerajaan yang menetapkan sasaran pada angka 70 hingga 80 peratus rakyat untuk mendaftar dalam penerimaan vaksin (Ahmad, 2021). Kes jangkitan yang meningkat menyebabkan krisis ekonomi yang teruk (Prawoto et al., 2020); Walmsley, Rose & Wei 2020; Bartik et al. 2020; Robert et al. 2020). Pandemik COVID-19 mengheret Malaysia ke arah satu keadaan sukar yang tidak pernah berlaku dalam sejarah negara apabila krisis kesihatan dan ekonomi berlaku serentak (Irwan Shah 2021; Amirul Rafiq 2020). Peningkatan kes COVID-19 terbukti memberi kesan yang cukup besar dan mempengaruhi kestabilan ekonomi (Lee, Jais & Chan 2020). Tahap gaya hidup B40 yang tinggal di bandar perumahan flat kos rendah antara yang terjejas dan tiada simpanan yang mencukupi dan terbeban hutang dan kos sara hidup di bandar ketika COVID-19 (Tajudin et al., 2021).

Cabaran B40 ialah lebih banyak mereka terpaksa memasang bendera putih mohon bantuan terputus bekalan asas yang hidup di bandar (Hafidzul Hilmi & Nurul Hidayah, 2021). (DOSM 2020). Hampir 20% golongan berpendapatan rendah hidup paras kemiskinan dan bilangan penganggur melebihi 200,000 orang tahun 2020 (DOSM 2020). Peningkatan kes COVID-19 jangkitan tinggi di Lembah Klang menyebabkan ramai B40 tidak dapat bekerja dan hilang sumber pendapatan (Rozita Talha 2020). Cabaran utama yang dihadapi mereka adalah wujudnya masalah yang pelbagai dimensi. Antara isu dalam masalah ini ialah melibatkan impak


pandemik ke atas pendidikan, kesihatan, pemilikan rumah, taraf hidup yang tinggi dan isu bantuan bersasar. Kajian ini menggunakan teori pengukuran multidimensi yang di pelopor oleh Alkire dan Foster. Menurut Alkire et. al. (2014), Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM) merupakan pengukuran kemiskinan alternatif yang dapat mengukur kemiskinan dengan lebih tepat berbanding PGK kerana mengambil kira aspek bukan wang. Selain itu, kaedah IKM merupakan pengukuran kemiskinan komprehensif yang dapat membantu pembuat polisi merangka program pembasmian kemiskinan berdasarkan dimensi dan indikator kemiskinan yang dialami oleh individu. Sementara itu, Naveed dan Tanweer-ul-Islam (2010) telah melakukan satu kajian dengan menggunakan kemiskinan multidimensi di Pakistan. Indikator kemiskinan yang dikenalpasti seperti pendidikan, kesihatan, tempat tinggal/rumah, elektrik, akses kepada air minuman yang selamat, sanitasi, mata pencarian (livelihood), status anak, bahan api untuk memasak dan kualiti air dan pemilikan tanah. Kaedah ini sangat efisien digunakan berbanding unidimensi. Di Malaysia Tun Dr. Mahadhir turut menyuarakan agar agensi berkaitan menggunakan multidimensi sebagai pengukur alat kemiskinan yang lebih tepat. Pada RMKe 11, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (IKPD (Chamhuri Siwar 2019). Menurut Nur Izzah (2020) kemiskinan multidimensi serendah 0.86 peratus setakat 2016. Namun begitu, angka yang rendah itu mengelirukan dan kurang tepat. Sistem pengukuran kemiskinan Malaysia telah ditegur Pelapor Khas PBB Berhubung Kemiskinan Tegar dan Hak Asasi Manusia, Profesor Philip Alston, yang menyatakan bahawa IKM yang direkodkan terlalu rendah dan tidak dapat dipercayai kerana kebergantungan sistem tersebut kepada ukuran kemiskinan yang hanya menumpukan isu pendapatan sahaja adalah tidak memadai. Oleh itu, pengukuran multidimensi yang menyeluruh akan membantu pengkaji memperoleh maklumat yang lebih tepat dan efisien.

### **Kerangka Konsep Kajian**

Fomular bagi kegunaan multidimensi secara keseluruhannya adalah menggunakan pengukuran multidimensi bagi standard global sebagai asas pengukuran kemiskinan masyarakat melalui Pengiraan IKM dapat dilakukan dengan menggunakan metod Alkire Foster (AF) (2011), seperti berikut:

$$\text{Formula IKM (M0)} = H \times A$$


Maksud: 'H': Nisbah individu miskin menunjukkan bilangan kes kemiskinan multidimensi. Manakala 'A' menunjukkan jumlah wajaran pemberat kekurangan dihadapi individu dalam menunjukkan individu miskin. Kajian-kajian lepas di Malaysia yang menggunakan pengukuran multidimensi yang dihurai panjang oleh beberapa pengkaji lain antaranya Nadia, Fairuz, & Rahana (2011) merupakan kajian yang terawal menggunakan pengukuran multidimensi di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Malaysia. Kajian ini melihat bagaimana situasi kebajikan pelajar mempengaruhi prestasi akademik dengan menggunakan pengukuran multidimensi. Terdapat tiga dimensi digunakan dalam pengukuran ini iaitu pendidikan, kesihatan, dan taraf hidup. Kajian mendapati daripada 200 orang pelajar seramai 185 pelajar iaitu 92.5% jatuh pada miskin multidimensi. Manakala 13 orang pelajar 6.5% adalah purata multidimensi miskin dan terakhir seramai 2 orang pelajar 1% adalah miskin tegar multidimensi. Hasil kajian tersebut memaparkan daripada 200 sampel diperoleh didapati seramai 185 orang pelajar diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi. Selain itu, antara kajian yang dilakukan di Malaysia oleh Parthiban S. Gopal (2018) ialah seperti berikut:



**Rajah 1. Cadangan Pengukuran Kemiskinan Multidimensi Malaysia**

Sumber: Parthiban S.Gopal (2018)

Manakala dalam kajian ini, indikator dan dimensi yang diberi tumpuan adalah seperti rajah 2 berikut:



**Rajah 2: Konstruk item dimensi, indikator, batas ketersisihan dan wajaran IKM menurut Alkire Foster (2014) untuk mengukur kadar kemiskinan multidimensi berdasarkan ekonomi Melayu B40**



## Metodologi

### Sampel kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan sebagai metod utama. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan soal selidik atas talian (*Google Form*). Data penyelidikan telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Pada kebiasaannya, bilangan sampel kajian rintis tidak memerlukan jumlah sampel yang ramai. Menurut pandangan Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 hingga orang sahaja. Manakala Chua jumlah (2006) bilangannya hanya 30 hingga 50 orang sudah memadai bagi melakukan kajian rintis. Kajian rintis yang dijalankan ini mengambil responden seramai 50 orang terdiri daripada 14 lelaki dan 36 wanita. Responden kajian rintis ini dipilih berdasarkan pemahaman dan kepatuhan mereka terhadap impak pandemik COVID-19 ke atas kesejahteraan golongan Melayu B40 di Lembah Klang yang berhadapan dengan musibah ini.

### Instrumen kajian

Satu set soal selidik yang terdiri daripada 6 bahagian digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Bahagian A ialah soal selidik ini terdiri daripada maklumat demografi responden. Bahagian B ialah soal selidik yang mengandungi maklumat berkaitan pendidikan. Bahagian C melibatkan kesihatan golongan B40. Manakala D merujuk kepada pemilikan rumah, E taraf hidup dan F adalah bantuan bersasar yang diperoleh. Antara konstruk yang diukur dalam kajian ini menggunakan pengukuran multidimensi sebagai alat mengukur impak pandemik ke atas kesejahteraan golongan ini berhadapan dengan perintah kawalan pergerakan. Hasil kebolehpercayaan tersebut, beberapa penambahbaikan dilakukan ke atas makna atau ungkapan, penambahan contoh yang sesuai serta ayat yang mudah dan ringkas bagi setiap item soal selidik. Bagi menilai kesahan kandungan item soal selidik ini, kesahan item telah dinilai oleh Prof Madya Dr. Muhammad Hakimi Mohd Shafiai daripada pensyarah Fakulti Ekonomi, dan Prof Madya Dr. Salmy Edawati Yaacob pensyarah Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai pakar penilai terhadap kesesuaian item soal selidik yang disediakan. Oleh itu, kajian rintis ini dilakukan untuk menilai kebolehpercayaan dan ketekalan soal selidik kajian melalui nilai pekali indeks *Cronbach's Alpha* yang boleh diterima pakai dalam kajian sebenar.

### Kebolehpercayaan Intrumen

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik melalui nilai pekali kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* seperti Jadual 1.

**Jadual 1: Jadual Interpretasi Skor *Alpha Cronbach's* (Bond & Fox, 2015 dalam Faizal Amin Nur Yunus, Nabilah Abdul Suki, Jamil Abd Baser, Saiful Hadi Masran (2016)**

Skor Alpha Cronbach's	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0,5	Item perlu digugurkan

Hasil analisis mendapati nilai pekali *Cronbach's Alpha* kajian ini secara keseluruhannya 60 item dengan kebolehpercayaan sebanyak 0.881. Justeru, ini merupakan nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Mohd. Majid, 1999; Sekaran, 2003). Manakala interpretasi

skor min dalam kalangan responden kajian ini dinilai berdasarkan yang dikemukakan oleh Oxford (1990). Merujuk impak pandemik COVID-19 ke atas golongan Melayu B40 merujuk kepada skor min antara (3.51 hingga 4.00) adalah tahap kepatuhan yang tinggi, manakala (2.51 sehingga 3.50) tahap kepatuhan sederhana dan yang terakhir (1.00 hingga 2.50) tahap kepatuhan yang rendah. Hasil keseluruhan, jadual 2 mendapati nilai pekali kebolehppercayaan yang diperoleh adalah tinggi, efektif dan konsisten bagi setiap dimensi sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar (Bond & Fox, 2015).


**Jadual 2: Cronbach's Alpha mengikut nilai pekali kebolehppercayaan item instrument**


Pembolehubah	Item	Nilai alpha (a)	Tahap
Pendidikan	14	.745	Baik dan boleh diterima
Kesihatan	12	.783	Baik dan boleh diterima
Rumah	9	.816	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
Taraf Hidup	12	.748	Baik dan boleh diterima
Bantuan	13	.793	Baik dan boleh diterima
<b>Keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>.881</b>	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi

### Dapatan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan menumpukan kaedah menggunakan pengukuran multidimensi sebagai alat pengukur untuk memberi petunjuk yang tepat kepada kemiskinan Melayu B40 di Lembah Klang yang diukur pelbagai dimensi iaitu dari sudut pendidikan, kesihatan, pemilikan rumah dan taraf hidup (pendapatan dan perbelajaan) dan batuan bersasar mereka yang tinggal di Lembah Klang ketika impak pandemik COVID-19. Ini kerana, telah terbukti bahawa COVID-19 menyumbang kepada peningkatan kemiskinan B40 di Lembah Klang yang memiliki kepadatan penduduk yang besar.

**Jadual 3: Latar belakang responden**





### Latar Belakang Responden Bahagian A

Jadual 3 menunjukkan tentang latar belakang responden yang diambil sebagai sampel sebagai kajian rintis dalam kajian ini. Bahagian A membincangkan latar belakang responden yang terdiri daripada golongan isi rumah B40 di Lembah Klang yang melibatkan kaum Melayu. Seramai 50 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 14 orang lelaki dan 36 orang perempuan telah menjawab soal selidik ini berumur di antara 21 tahun sehingga 60 tahun. Melalui status perkahwinan terdapat 44 orang telah berkahwin dan 6 orang daripadanya berstatus janda. Manakala jenis kediaman menunjukkan 36 orang memiliki rumah kos rendah dan 14 orang adalah kos sederhana. Status kediaman antaranya ialah menyewa rumah sebanyak 19 orang, 16 orang rumah hakmilik kekal dan 15 orang adalah mempunyai rumah sendiri. Seterusnya taraf pendidikan menunjukkan majoriti adalah mereka ramai berkelulusan SPM/SMPV dan selebihnya 14 orang memiliki ijazah sarjana muda, 10 orang Diploma, sijil 5 orang, 3 orang mempunyai PMR dan seorang sahaja memiliki ijazah sarjana. Jarak ke pusat kesihatan menunjukkan 37 orang tinggal kurang <10KM, 12 orang dengan jarak 11-20KM dan 1 orang sahaja yang tinggal dengan jarak lebih 21-30KM. Sektor pekerjaan responden sebelum pandemik juga menunjukkan 16 orang swasta, 14 orang tidak bekerja, 11 orang sektor kerajaan dan 9 orang bekerja sendiri. Tanggungan responden menunjukkan 1-2 orang antara paling ramai iaitu orang, tanggungan 3-4 seramai 17 orang, tanggungan 5-6 seramai 6 orang dan 7-9 seramai 6 orang. Seterusnya, pekerjaan pasangan responden sebelum pandemik COVID-19 ialah 2 orang kerajaan, 20 swasta, 12 bekerja sendiri, 9 tidak bekerja dan 7 tidak berkaitan. Kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang berpendapatan <4360 ke bawah seramai 46 orang dan 4 orang tiada pendapatan. Kesemua mereka sebelum pandemik COVID-19, mempunyai pendapatan dengan <RM4360 ke bawah dan masih boleh meneruskan hidup di bandar. Namun, keadaan bertambah sukar apabila mereka kehilangan pekerjaan dan terpaksa berhijrah dan berpindah ke kampung halaman. Tanggungan anak bersekolah juga menunjukkan 1-2 anak bersekolah seramai 36 orang, 3-4 orang seramai 13 orang, 5-6 orang adalah seorang sahaja. Kehidupan di bandar lebih mencabar dan memerlukan mereka berbelanja lebih untuk pendidikan, kesihatan, pemilikan rumah dan taraf hidup yang tinggi.

### Pendidikan

Dalam bahagian B, jadual 4 mempunyai empat belas item tentang impak pandemik ke atas pendidikan B40 Melayu di Lembah Klang di mana menjadi satu topik penting dibincangkan dalam objektif kajian ini. Hasil soal selidik mendapati nilai min tertinggi dalam bahagian (1)



konstruk pendidikan bermula item satu sehingga item empat belas . Skor min yang paling tinggi berada pada item pertama iaitu (3.72) merujuk kepada pernyataan ‘pendidikan penting untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup’ berbanding item keempat yang mempunyai skor nilai min yang rendah iaitu (2.42) merujuk pernyataan ‘pembelajaran secara PdPR sangat berkesan dan meningkatkan kualiti pelajaran anak-anak’ berbanding item ketujuh yang menunjukkan min sederhana (2.90) dengan pernyataan ‘saya boleh memantau sesi pembelajaran anak-anak semasa PdPR’.

**Jadual 4: Bahagian B Impak Pandemik COVID-19 ke atas Pendidikan**

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Pendidikan penting untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup.	3.72	Tinggi
2	Wabak COVID-19 memberi impak besar ke atas pendidikan anak-anak.	3.68	Tinggi
3	Pembelajaran secara PdPR perlu diteruskan selagi pandemik COVID-19 masih lagi melanda.	3.16	Sederhana
4	Pembelajaran secara PdPR sangat berkesan dan meningkatkan kualiti pelajaran anak-anak.	2.42	Rendah
5	Saya perlu bersabar terhadap ujian Allah SWT dengan wabak COVID-19 (akidah).	3.00	Sederhana
6	Pembelajaran secara PdPR online tidak membawa kepada tekanan emosi kepada anak-anak.	2.16	Rendah
7	Saya boleh memantau sesi pembelajaran anak-anak semasa PdPR.	2.90	Sederhana
8	Bantuan peralatan PdPR adalah perlu bagi yang memerlukan	3.70	Tinggi
9	SOP (penuh) semasa di pusat pengajian adalah selamat dan terkawal.	3.32	Sederhana
10	Waktu belajar di dalam kelas dipendekkan dan pelajar dibenarkan pulang lebih awal untuk mengurangkan risiko jangkitan.	3.54	Tinggi
11	Pemakaian penutup mulut dan hidung adalah terbaik semasa berada di dalam kawasan pusat pengajian.	3.70	Tinggi
12	Penjarakan sosial yang sesuai semasa berada di dalam kelas adalah 2 meter jarak selamat.	3.52	Tinggi
13	Pembelajaran anak-anak bertambah baik mengikut SOP yang ditetapkan di pusat pengajian.	3.50	Sederhana
14	Vaksinasi perlu diambil kepada anak-anak 12 tahun ke atas sebelum PdP offline bermula.	3.62	Tinggi

#### **Impak Pandemik COVID-19 ke atas Kesihatan**

Dalam bahagian C jadual 5 mempunyai dua belas item terhadap impak pandemik ke atas kesihatan B40 Melayu di Lembah Klang. Hasil soal selidik mendapati nilai min tertinggi dalam bahagian (1) konstruk kesihatan ialah pada item keempat (3.60) merujuk kepada pernyataan ‘mudah mendapatkan bekalan ubatan di kawasan tempat tinggal’. Manakala skor nilai min yang sederhana ialah (2.78) dalam item kesebelas yang merujuk kepada pernyataan ‘tiada gangguan bekalan air di kawasan tempat tinggal’. Manakala tiada nilai skor min yang menunjukkan tahap rendah terhadap impak pandemik COVID-19 terhadap kesihatan.

**Jadual 5: Bahagian C Impak Pandemik COVID-19 ke atas Kesihatan**

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Mudah mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tempat tinggal.	3.52	Tinggi
2	Kemudahan pengangkutan mudah diperolehi untuk ke hospital yang terdekat.	3.38	Sederhana
3	Sistem temujanji kesihatan atas talian memudahkan urusan yang dibuat.	3.32	Sederhana
4	Mudah mendapatkan bekalan ubatan di kawasan tempat tinggal.	3.60	Tinggi
5	Kemudahan dan perkhidmatan kesihatan awam mencukupi memenuhi keperluan penduduk.	3.52	Tinggi
6	Impak wabak COVID-19 memberi kesukaran mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.	3.36	Sederhana
7	Jika kecemasan perkhidmatan ambulans cepat sampai di lokasi yang dipanggil.	3.00	Sederhana
8	Bekalan air bersih dibekalkan di kediaman tempat tinggal anda.	3.44	Sederhana
9	Saya akan masak air terlebih dahulu sebelum digunakan untuk diminum.	3.48	Sederhana
10	Saya menggunakan penapis air yang berkualiti untuk terus digunakan.	3.58	Tinggi
11	Tiada gangguan bekalan air di kawasan tempat tinggal.	2.78	Sederhana
12	Penggunaan bekalan air semakin meningkat sejak pandemik COVID-19 melanda negara ini.	3.20	Sederhana

**Impak Pandemik COVID-19 ke atas Pemilikan Rumah**

Bahagian D, merujuk jadual 6 mempunyai sembilan item ke atas isu pemilikan rumah di Lembah Klang sebagai satu topik penting dibincangkan dalam objektif kajian ini. Hasil soal selidik mendapati bahawa nilai min tertinggi dalam kontruk pemilikan rumah berada pada kedudukan item kesembilan (3.56) yang merujuk kepada pernyataan ‘saya mempunyai kenderaan sendiri untuk ke tempat kerja’. Skor nilai min yang mempunyai nilai sederhana pula ialah pada item ketujuh (3.04) yang merujuk kepada pernyataan ‘kemudahan rangkaian internet tiada gangguan untuk saya berhubung secara maya dan kegunaan rasmi’. Manakala item kelapan menunjukkan skor nilai min yang paling rendah (2.46) merujuk kepada pernyataan ‘saya menggunakan pengangkutan awam untuk urusan keluarga kerana lebih jimat dan mudah diperolehi’.

**Jadual 6: Bahagian D Impak Pandemik COVID-19 ke atas Pemilikan Rumah**

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya sangat selesa tinggal di kejiranan sekarang.	3.50	Sederhana
2	Saya mudah mendapatkan bantuan kejiranan jika saya dalam kesusahan.	3.50	Sederhana
3	Keluasan rumah yang saya diami mempunyai bilik tidur dan tandas yang selesa untuk seisi keluarga saya.	3.58	Tinggi
4	Kelengkapan rumah sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi.	3.52	Tinggi

5	Kebersihan kawasan tempat tinggal saya sentiasa bersih dan kesihatan terjamin.	3.52	Tinggi
6	Setiap hari sampah dikutip di tempat buangan sampah dan kebersihan kawasan terjamin.	3.24	Sederhana
7	Kemudahan rangkaian internet tiada gangguan untuk saya berhubung secara maya dan kegunaan rasmi	3.04	Sederhana
8	Saya menggunakan pengangkutan awam untuk urusan keluarga kerana lebih jimat dan mudah diperolehi.	2.46	Rendah
9	Saya mempunyai kenderaan sendiri untuk ke tempat kerja	3.56	Tinggi

### **Impak Pandemik COVID-19 Taraf Hidup**

Bahagian E, merujuk jadual 7 mempunyai dua belas item yang telah diuji. Hasil soal selidik mendapati bahawa skor nilai min yang paling tinggi bagi tahap sederhana dalam konstruk taraf hidup ialah pada item keenam (3.36) yang merujuk kepada pernyataan ‘pendapatan dan perbelanjaan bulanan saya diperuntukkan juga untuk perkara kecemasan’. Manakala item kelima menunjukkan skor min (3.30) tahap sederhana ‘saya membeli barang keperluan harian sahaja sebagai langkah untuk penjimatan. Selain itu, skor min seterusnya menunjukkan pada tahap sederhana dengan nilai yang paling rendah adalah (2.56) pada item kesebelas yang merujuk kepada ‘impak pandemik telah membuka ruang kepada punca rezeki saya dan keluarga’. Oleh itu, item kesebelas ini menunjukkan bahawa impak pandemik COVID-19 lebih banyak memberi kesan buruk kepada pendapatan mereka berbanding sebelum pandemik.

**Jadual 7: Bahagian E Impak Pandemik COVID-19 Taraf Hidup**

<b>Bil</b>	<b>Penyataan</b>	<b>Nilai Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Pendapatan saya sekarang mencukupi untuk kehidupan keluarga saya semasa pandemik.	2.90	Sederhana
2	Perbelanjaan saya semakin meningkat sejak diarahkan bekerja dari rumah.	2.80	Sederhana
3	Saya membuat kerja lebih masa untuk menampung kehidupan keluarga saya.	2.72	Sederhana
4	Saya masih mampu untuk meneruskan kehidupan walaupun pendapatan saya merosot ketika pandemik	3.18	Sederhana
5	Saya membeli barang keperluan harian sahaja sebagai langkah untuk penjimatan..	3.30	Sederhana
6	Perbelanjaan bulanan saya diperuntukkan juga untuk perkara kecemasan.	3.36	Sederhana
7	Perbelanjaan saya melebihi pendapatan yang sedia ada dan membawa kepada masalah hutang.	2.68	Sederhana
8	Saya mempunyai simpanan untuk kegunaan di waktu yang diperlukan.	2.96	Sederhana
9	Saya mewujudkan tabung kecemasan sebagai langkah menghadapi cabaran yang tidak diduga.	2.88	Sederhana
10	Saya rasa perlu untuk mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara offline atau online.	2.90	Sederhana
11	Impak pandemik telah membuka ruang kepada punca rezeki saya dan keluarga.	2.56	Sederhana
12	Impak pandemik menyukarkan kehidupan saya mencari dan menambah pendapatan keluarga.	2.84	Sederhana

### Bantuan Bersasar

Bahagian F merujuk jadual 8 mempunyai tiga belas item ke atas isu bantuan bersasar di Lembah Klang sebagai satu topik yang penting yang dibincangkan dalam objektif kajian ini. Hasil soal selidik mendapati bahawa skor nilai min tinggi ditunjukkan oleh item dua belas iaitu (3.26) merujuk kepada pernyataan 'saya memperoleh Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) secara berfasa ketika pandemik'. Manakala skor nilai min yang paling rendah iaitu (1.86) ditunjukkan oleh item tiga belas yang merujuk kepada pernyataan 'saya mendapat Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) kerana diberhentikan kerja akibat pandemik'. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa min yang tinggi tidak diperolehi untuk kajian berkaitan isu bantuan bersasar. Penularan pandemik COVID-19 memberi impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah dan mengubah struktur kumpulan isi rumah B40 di Lembah Klang.

**Jadual 8: Bahagian F Bantuan Bersasar**

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya mendapat bantuan pendidikan atau persekolahan anak-anak daripada kerajaan ketika pandemik.	2.46	Sederhana
2	Saya mendapat Skim Peduli Kesihatan (PeKa) sebagai inisiatif yang bersasar.	2.04	Rendah
3	Saya mendapat bantuan mySalam sebagai anisiatif yang bermanfaat apabila dimasukkan ke hospital kerana jangkitan COVID-19.	1.94	Rendah
4	Saya mendapat pengecualian dan penangguhan bayaran bulanan sewa rumah.	1.88	Rendah
5	Saya mendapat Bantuan COVID-19 Khas (BKC) ketika pandemik.	2.90	Sederhana
6	Saya menggunakan kemudahan MORATARIUM pinjaman bank ketika pandemik berlaku.	2.54	Sederhana
7	Saya mendapat kuota DATA internet percuma melalui rangkaian mudah alih YES 4G bagi kemudahan pendidikan anak.	2.24	Rendah
8	Saya mendapat DISKAUN bil elektrik sepanjang tempoh pandemik.	2.66	Sederhana
9	Saya menggunakan kemudahan pengeluaran KWSP dan i-Sinar bagi menampung perbelanjaan semasa pandemik.	2.84	Sederhana
10	Saya mendapat inisiatif bantuan kerajaan melalui Skim Jaringan Prihatin Rakyat.	2.98	Sederhana
11	Saya memperoleh bantuan bakul makanan ketika pandemik.	2.52	Sederhana
12	Saya memperoleh Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) secara berfasa ketika pandemik.	3.26	Sederhana
13	Saya mendapat Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) kerana diberhentikan kerja akibat pandemik	1.86	Rendah

## Kesimpulan

Malaysia menghadapi musibah sangat dahsyat ini pada tahun 2020 dan berterusan sehingga 2021. Pandemik COVID-19 mencetuskan satu cabaran baharu terhadap pelbagai sektor masyarakat dan negara. Pasti golongan yang terkesan adalah mereka berpendapatan rendah. Secara umumnya, kerajaan menjangkakan jangkitan COVID-19 hanya berlaku dalam tempoh sementara sahaja namun ianya telah memberi impak dan kesan yang lama kepada rakyat negara ini dan seluruh dunia. Penularan COVID-19 yang memasuki tahun kedua ini kelihatannya tidak berakhir dalam masa terdekat. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif daripada pihak kerajaan telah dilaksanakan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pemakaian pelitup muka, mengamalkan penjarakan sosial satu meter dengan individu lain, mencuci tangan secara berkala dengan menggunakan sabun atau pembersih tangan berasaskan alkohol dan mengelakkan untuk berada di tempat yang sesak seperti yang digariskan dalam WHO telah dilaksanakan secara serius oleh pihak kerajaan. Justeru, keadaan begini pasti memberi impak yang besar kepada isi rumah B40 yang ramai dalam mereka hilang pekerjaan dan pendapatan harian. Bagaimanapun, keadaan ekonomi dijangka bertambah baik dan pulih apabila penularan pandemik ini dapat diatasi. Justeru, peranan kerajaan pusat dan negeri serta pelbagai pihak penting dalam mengurangkan kesan pandemik, ke arah memulihkan pendapatan isi rumah dan ekonomi negara. Namun, sekiranya isu pengukuran kemiskinan yang wujud daripada pelbagai dimensi ini tidak diusahakan, justeru negara terus berdepan dengan isu yang sama iaitu bantuan yang gagal disalurkan kepada kumpulan sasaran yang tepat sekiranya kita sekali lagi terpaksa mengharungi badai bencana tanpa data yang tuntas.

## Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh *University Research Grant (URG)* (KUPTM 2020 -2021). Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam kajian ini di atas bantuan yang diberikan bagi menyiapkan artikel ini terutamanya semasa proses pengumpulan data.

## Rujukan

- Ahmad Ismail. (2021). *Kaji punca rakyat kurang daftar sebagai penerima vaksin Covid19*.Harian Metro. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/691277/kaji-puncarakyatkurangdaftar-sebagai-penerima-vaksin-covid-19>. Diakses pada 4 April 2021
- Alkire, S. (2007). Choosing dimensions: The capability approach and multidimensional poverty. In *The many dimensions of poverty* (pp. 89-119). Palgrave Macmillan, London
- Bond T. G. & Fox C.M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Ed. ke-3. Mahwah, NJ: L. Erlbaum.
- Charanjit Kaur. (2021). Pandemik beri impak berbeza mengikut status sosial, ekonomi. Diambil daripada Berita Harian Online. Diakses pada 6 Julai 2021
- Che Omar, A.R., Ishak, S. & Jusoh, M.A. (2020). The impact of Covid-19 Movement Control Order on SMEs' businesses and survival strategies. *Malaysian Journal of Society and Space*.
- Chamhuri Siwar. (2013). Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Chua YP. 2011. *Kaedah dan statistic penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Gopal, P.S. (2018). Poverty measurement revisited from a multidimensional perspective among Universiti Sains Malaysia's B40 poor students. *Malaysian Journal of Society and Space* 14(4): 299–307.



- Faizal Amin Nur Yunus, Nabilah Abdul Suki, Jamil Abd Baser, Saiful Hadi Masran, M.F.M.&M.B.R. (2016). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Pengajar Tvet Terhadap Pengajaran Teknikal Berdasarkan Pendekatan Model Rasch(3).
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor dan Nurul Hidayah Bahaudin. (2021). Bendera putih'selamatkan'keluarga terputus bekalan. Berita Harian Metro Online. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/726527/bendera-putih-selamatkan-keluargaterputus-bekalan>. Diakses pada 5 Julai 2021.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Buku tahunan perangkaan. Malaysia: Percetakan Nasional
- Mohd Hafiz Ismail.(2020). Golongan B40 terima impak besar akibat Covid-19. Berita SinarHarian Online. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/96034/BERITA/Nasional/Golongan-B40-terimaimpak-besar-akibat-Covid-19>. Di akses pada 4 Ogos 2020.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: Universiti TeknologiMalaysia.
- Nadia Nabila Ibrahim, Fairuz Nabilla Mohamed Husain & Rahana Abdul Rahman. 2011. TheMultidimensional Poverty Index (MPI) and its application in Malaysia: A case study UiTMstudents, Shah Alam Campus. Prosiding PERKEM VI 1(2011): 450-467
- Prawoto, N., Purnomo, E.P. & Zahra, A.A. (2020). The impacts of Covid-19 pandemic on socioeconomic mobility in Indonesia. International Journal of Economics and BusinessAdministration 8(3): 57–71.
- Tajudin, N., Awang Besar, J., Mat Jali, M. F., & Awang, A. H. (2021). Gaya hidup sihat komunitirentan ketika perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) akibat wabak pandemikCOVID-19: Kajian kes kawasan Flat Kota Damansara, Selangor. Journal of SocialSciences and Humanities, 18(3), 82–102.
- Rozita Talha. (2020a). Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk malaysia.Jabatan Perangkaan Malaysia.